

**MAKLUMAN BERKENAAN LAYANAN KEWAJARAN DAN KETELUSAN KE
ATAS TERMA DAN SYARAT BAGI PRODUK PEMBIAYAAN RUNCIT
(PERUMAHAN-i, PERIBADI-i, PENDIDIKAN-i, KENDERAAN-i SEWA BELI
AN NAQLU-1 DAN KENDERAAN-i NAQLU-2 TAWARRUQ)**

Pelanggan-Pelanggan yang dihormati,

Dimaklumkan Bank Rakyat telah membuat semakan semula ke atas terma dan syarat bagi dokumen Pembiayaan Runcit sedia ada. Dokumen baharu dengan terma dan syarat yang telah dipinda adalah terpakai kepada Pelanggan-Pelanggan baharu Bank Rakyat berkuatkuasa 1 September 2019 bagi Pembiayaan Perumahan-i dan 12 Oktober 2020 bagi Pembiayaan Peribadi-i, Pendidikan-i, Kenderaan-i Sewa Beli An Naqlu 1 dan Kenderaan-i An Naqlu 2 Tawarruq.

Semakan semula terma dan syarat bagi Pembiayaan Runcit adalah bertujuan untuk memberikan layanan kewajaran dan ketelusan kepada Pelanggan-Pelanggan agar lebih mudah difahami selaras dengan arahan Bank Negara Malaysia.

Bagaimanapun, bagi Pelanggan-Pelanggan Bank Rakyat sedia ada, terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian Pembiayaan Runcit masih sah dan berkuatkuasa. Namun, Bank Rakyat akan memastikan pengendalian akaun Pembiayaan Runcit Pelanggan termasuk penguatkuasaan adalah mengikut arahan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia selaras dengan layanan kewajaran dan ketelusan.

Sekiranya Bank Rakyat berhasrat untuk membuat apa-apa pindaan ke atas terma dan syarat bagi dokumentasi Pembiayaan Runcit sedia ada, Bank akan mengeluarkan notis dua puluh satu (21) hari sebelum pindaan tersebut berkuatkuasa.

Bank Rakyat komited untuk terus menawarkan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Pelanggan-Pelanggan.

Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Bank Rakyat di Tele-Rakyat di 1-300-80-5454 atau berkunjung ke Cawangan yang berhampiran.

LAMPIRAN 1

RINGKASAN TERMA-TERMA UTAMA YANG TELAH DIPINDA

- (a) Antara terma-terma yang telah dipinda adalah melibatkan keperluan pengeluaran notis kepada Pelanggan seperti berikut:
 - (i) Perubahan ke atas cara bayaran, kadar keuntungan, jumlah ansuran bulanan serta yuran dan caj yang dikenakan akan dimaklumkan melalui notis dua puluh satu (21) hari terdahulu sebelum pelaksanaan.
 - (ii) Pelarasan baki akaun dan/atau tolak selesai (*set off*) akan dimaklumkan melalui notis tujuh (7) hari terdahulu sebelum pelaksanaan;
 - (iii) Apa-apa penganan syarat dan/ atau pindaan terhadap terma akan dimaklumkan melalui notis dua puluh satu (21) hari terdahulu sebelum pelaksanaan.
 - (iv) Pembatalan dan/atau penarikan balik pembiayaan akan dimaklumkan melalui notis.
- (b) Antara perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh Pelanggan seperti berikut:-
 - (i) Sekiranya Pelanggan ingin membuat penjelasan awal, Pelanggan perlu mengemukakan notis satu (1) bulan lebih awal kepada Bank. Manakala bagi kemudahan Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan-i An-Naqlu 1, Pelanggan perlu mengemukakan notis 14 hari lebih awal kepada Bank.
 - (ii) Sekiranya terdapat pertukaran alamat, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank alamat terkini secara bertulis.
- (c) Tujuan pendedahan maklumat peribadi dan maklumat kewangan serta pihak-pihak yang dibenarkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah dinyatakan dengan lebih jelas.
- (d) Medium komunikasi dan notis makluman di antara Bank dan Pelanggan telah diperluaskan merangkumi medium elektronik dan digital.
- (e) Pelanggan tidak akan menanggung rugi Bank sekiranya terdapat kecuaiian, peninggalan atau kesilapan daripada pihak Bank.
- (f) Sekiranya Pelanggan menarik balik kebenaran di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Bank berkemungkinan tidak dapat meneruskan pembiayaan ini dan/atau memberikan perkhidmatan yang berkaitan kepada Pelanggan.
- (g) Penyerahan dokumen bagi tindakan undang-undang adalah menurut kontrak melalui pos berdaftar ke alamat terakhir yang mana penyampaian adalah sempurna selepas tiga (3) hari penghantarannya. Manakala bagi Kemudahan

Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan-i An-Naqlu 1, penyerahan adalah sempurna selepas lima (5) hari penghantarannya.

- (h) Bank berkemungkinan tidak dapat melaksanakan obligasi sekiranya berlaku keadaan-keadaan *force majeure* (tidak dapat dielakkan) seperti bencana alam dan kegagalan sistem.
- (i) Bagi produk Kemudahan Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan-i – An Naqlu 1 yang terikat kepada Akta Sewa Beli 1967, seksyen-seksyen dan notis yang relevan di dalam Akta Sewa Beli 1967 telah dinyatakan dengan jelas di dalam terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian An Naqlu 1 untuk rujukan dan pengetahuan Pelanggan.